

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 2 OKTOBER 2013 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Unjur RM3b	Harian Metro
2.	FMM Cadang Baucar Inovasi RM50,000 Bagi PKS	Bernama.com
3.	Race for party posts	New Straits Times
4.	Entogenex Industries lancar Shoo!	Utusan Malaysia
5.	FMM cadang wujud insentif bentuk baucer untuk PKS	Berita Harian
6.	Dewan Rakyat Lulus Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan	Bernama.com
7.	Dewan lulus Rang Perbekalan Tambahan 2013	Berita Harian
8.	Gempa Bumi Kuat Di Rusia	Bernama.com
9.	TPMC perlu usaha tingkat keuntungan	Berita Harian

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (BISNES) : MUKA SURAT 57
TARIKH: 02 OKTOBER 2013 (RABU)



YONG (kiri) menyampaikan cenderahati kepada Dr Ewon sambil disaksikan Lim pada Persidangan Inovasi FMM, semalam.

Unjur RM3b

■ Top Glove optimis tambah perolehan

Oleh Sharifah Norfaezah
Wan Ahmad Makki Mashor
norfaezah@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Syarikat pengeluar sarung tangan terbesar dunia, Top Glove Corporation Bhd mengunjurkan perolehan sebanyak RM3 bilion berbanding keuntungan semasa sebanyak RM2.3 bilion dalam tempoh dua tahun dari sekarang.

Pengerusinya Tan Sri Lim Wee Chai berkata, pertumbuhan berkenaan bakal dipacu prestasi pihaknya yang

kini berada dalam segmen penghasilan sarung tangan daripada getah jenis semula jadi dan getah nitril.

Katanya, melihat kepada pasaran produk berkenaan, getah nitril semakin berkembang disebabkan ia lebih murah dan berkualiti berbanding getah jenis lain.

"Pasaran bagi getah nitril semakin besar dan ini adalah peluang untuk kita meningkatkan lagi produktiviti kerana pasaran dunia berpotensi diterokai khusus bagi sektor ini," katanya selepas menyampaikan ucapan tama pada Persidangan Inovasi Persekutuan Pengeluar Malaysia (FMM), di sini, semalam.

Hadir merasmikan persidangan berkenaan adalah Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin dan Presiden FMM, Tan Sri Yong Poh Kon.

Beliau berkata, pihaknya juga menyasarkan pegangan pasaran global sebanyak 30

peratus dalam tempoh sama bagi kedua-dua segmen produk.

Menurutnya, ketika ini syarikat mempunyai 25 peratus pegangan pasaran dunia bagi pengeluar sarung tangan getah khusus untuk industri pelbagai.

Dalam perkembangan sama, katanya, Top Glove juga sentiasa melihat potensi mengembangkan tanaman getah supaya dapat menjimatkan kos pengeluaran dan kebergantungan kepada sumber getah.

"Fokus utama kita adalah pengeluaran sarung tangan namun tidak dinafikan kita masih mengintai potensi tanaman getah. Setakat ini kita mempunyai 27 kilang pemprosesan produk sarung tangan dan setiap tahun kita mengunjurkan sebanyak satu atau dua kilang baru dibuka," katanya.

Katanya, walaupun bukan mudah untuk meréalisasikan perkara berkenaan, pihaknya optimis untuk meraka sektor itu kerana pasaran global getah berkembang antara lapan hingga 10 peratus setiap tahun dengan permintaan 165 bilion unit sarung tangan setahun.

FAKTA

Syarikat punya 25 peratus pegangan pasaran dunia bagi pengeluar sarung tangan getah

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 2 OKTOBER 2013 (RABU)



FMM Cadang Baucar Inovasi RM50,000 Bagi PKS

KUALA LUMPUR, 1 Okt (Bernama) -- Persekutuan Pekilang- Pekilang Malaysia (FMM) mencadangkan kepada kerajaan untuk mengadakan baucar inovasi bernilai RM50,000 bagi perusahaan kecil dan sederhana (SME) untuk memulakan projek-projek mereka.

Bagaimanapun, Presidennya, Tan Sri Yong Poh Kon, berkata rancangan itu masih dalam perbincangan.

"Kami ingin menawarkan baucar ini kepada PKS untuk memulakan projek mereka untuk mengelakkan gangguan kepada proses pengeluaran," katanya kepada pemberita pada Persidangan Inovasi FMM 2013.

Bagaimanapun, syarikat-syarikat itu perlu membayar separuh daripada jumlah itu, katanya.

Yong berkata persekutuan itu telah mengemukakan cadangan kepada Perbendaharaan bagi insentif-insentif untuk membantu syarikat tempatan membuat pembaharuan kepada perniagaan mereka.

Untuk kekal relevan dalam pasaran, syarikat-syarikat ini perlu berubah, katanya.

"Satu-satu cara yang boleh dilakukan ialah mencipta inovasi dengan menggunakan teknologi terbaru, mencipta cara dan kaedah untuk mengurangkan kos dan menghasilkan produk-produk baharu yang lebih menarik bagi pelanggan," tegas beliau.

Sebelum ini, **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin**, yang merasmikan persidangan itu berkata: "Kerajaan sentiasa mempertimbangkan untuk memberi geran tambahan kepada PKS, tetapi buat masa ini, saya rasa dana yang kita ada, sebanyak setengah bilion ringgit, mencukupi."

Persidangan sehari bertema "Mengenal Pasti Peluang, Mempercepat Pertumbuhan," itu menampilkan syarikat-syarikat seperti Top Glove Corp, Agensi Inovasi Malaysia, Google Malaysia dan Nestle Malaysia untuk berkongsi buah fikiran masing-masing dengan peserta.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR

NEW STRAITS TIMES (COMMENT): MUKA SURAT 16

TARIKH: 2 OKTOBER 2013 (RABU)

Race for party posts

VIBRANT DEMOCRACY:

All the main political parties in Sabah, led by Umno, are seeing contests for posts

POLITICS in Sabah is living up to its complicated reputation. It is not an exaggeration to point out that many things are happening four months after the general election on May 5.

There are party elections, new and senior leaders making and leaving their mark respectively, hopefuls making leaps of faith and non-hopefuls swallowing their pride.

In the same vein, conflicts too are aplenty, keeping things vibrant so to speak, with the risk of them leading to situations that may become sticky at some point of time.

At a glance, the key party elections to watch for will be that of

Sabah Umno which has 25 divisions, 15 of which will see contests for the division chief's post.

Five state leaders too, are gunning for posts at the national level. They are Datuk Seri Shafie Apdal, who is seeking to defend his vice-president's post, incumbent Datuk Bung Mokhtar Radin for the supreme council member's seat along with Datuk Abdul Rahman Dahlan, Datuk Tawfiq Abu Bakar Titingan and Datuk Saifirin Karmo.

Chief Minister Datuk Seri Musa Aman will be sitting this one out despite being touted as a favourite for the vice-presidency. He is also not defending his seat in the supreme council.

He explained that his focus was on keeping the economic transformation set in motion by Prime Minister Datuk Seri Najib Razak.

Putatan Umno Youth chief Shahelmy Yahya, who was returned unopposed, said the decision highlighted Musa's quality as

a people's leader.

"Bear in mind he is also the Sabah Barisan Nasional and Sabah Umno chief. We have just finished the election and presented a manifesto to the people who gave the coalition a strong mandate.

"It is only right for him to keep his focus on development and progress of the state," Shahelmy added.

With that settled, the game is on for what many believe would be a transformation process for the state Umno leadership.

Several Sabah BN components will also be heading for the ballot boxes to pick new leaders and the word transformation seems to be trending.

Parti Bersatu Sabah (PBS) and United Pasokmomogun Kadazan-Dusun and Murut Organisation (Upko) returned their respective presidents Tan Sri Joseph Pairin Kitingan and Tan Sri Bernard Dompok unopposed. But the post of deputy president will see some interesting contests.

Two PBS deputy presidents, Datuk Seri Dr Maximus Ongkili and Datuk Dr Yee Moh Chai, will likely be challenged by Datuk Henrynus



ON THE FRONTLINE
with
Ray Goh
NST Sabah
bureau chief



PBS deputy presidents Datuk Seri Dr Maximus Ongkili (left) and Datuk Dr Yee Moh Chai (top, right) are likely to be challenged by Datuk Edward Yong Oui Fah (bottom, left) and Datuk Henrynus Amin.



Amin and Datuk Edward Yong Oui Fah.

Hopefuls and newcomers will also be gunning for posts at central and divisional levels, a senior party insider said.

"PBS needs to see some changes to stay relevant in Sabah, otherwise we will not be able to attract new members and lose out to others that are taking this transformation process seriously."

In Upko, the deputy president's post, made vacant by the departure

of Datuk Wilfred Bumburing who became a Pakatan affiliate through Angkatan Perubahan Sabah last year, will see Datuk Wilfred Madius Tangau and Datuk Ewon Ebin clashing.

Upko information chief Datuk Donald Mojuntin said this was democracy at its best. "This shows leaders are stepping up the plate to offer what they have to the party and its struggles."

Things are not too rosy though

→Continued next page

Sabah opposition parties facing problems

From Page 16

with the Liberal Democratic Party where a power struggle is in play and leaders are now split in two groups.

There are "two presidents" staking claim for the BN component which holds three state seats, Tanjung Kapor, Merotai and Karamunting, to its credit.

Matters are now in court for a solution, but things appear to be heading towards a point of no return — with two directions.

At the opposition front, too, things are not as smooth as they expected it to be.

Luyang assemblyman Dr Hiew King Cheu has left DAP and is now an independent representative indicating all is not well

in their camp and that of Pakatan. It started from a disagreement with opposition leader Datuk Seri Anwar Ibrahim's choice for PKR Sabah chief Datuk Seri Lajim Ukin to become the state leader.

DAP, on the other hand wanted Bumburing while Hiew wanted a show of hands among the 12 elected representatives sitting on the opposition bench, including lone

Sabah State Reform Party assemblyman for Bingkor Datuk Dr Jeffrey Kitingan.

PKR got the upper hand with seven assemblymen on their side. But will it stay that way?

Pundits are saying they will not be surprised if others join Hiew as independent wakil rakyat.

If that happens, things are bound to get more complicated.

**KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (BISNES): MUKA SURAT 21
TARIKH: 2 OKTOBER 2013 (RABU)**

Entogenex Industries lancar Shoo!

KUALA LUMPUR 1 Okt. - Entogenex Industries Sdn. Bhd. hari ini melancarkan pelan kawalan serangga perosak yang pertama di negara ini, Shoo! serta menjangkakan nilai jualan sebanyak RM5 juta dalam tempoh dua tahun.

Pengerusinya, Tunku Naquiyuddin Tuanku Jaafar berkata, sejak ini, lima pakar dalam industri kawalan serangga telah dilantik untuk menggunakan produk ini.

"Pengedar tersebut meliputi kawasan di Lembah Klang, Ipoh dan Melaka serta syarikat berhasrat untuk menambah jumlah pengedar di masa depan.

"Produk buatan Malaysia yang menggunakan teknologi Amerika Syarikat adalah inovasi produk kerjasama bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan membantu menyelesaikan masalah serangga perosak," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akbar selepas majlis pelancaran itu disini hari ini.

Majlis pelancaran itu disempurnakan oleh Timbalan Menteri MOSTI, Datuk Dr. Abu Bakar Mo-



TUNKU Naquiyuddin Tuanku Ja'afar (dua dari kiri) bersama-sama Dr. Abu Bakar Mohamad Diah (dua dari kanan) meneliti produk yang dihasilkan Entogenex Industries Sdn. Bhd. di Kuala Lumpur, semalam.

hamad Diah.

Katanya, produk tersebut merupakan inovasi produk kawalan perosak berdasarkan teknologi hijau yang tidak mengandungi toksik serta mampu memelihara alam sekitar.

"Kawalan perosak konvensional juga menggunakan semburan selimut dan racun perosak berlebihan

yang meninggalkan sisa sehingga tiga hingga empat minggu," ujarnya.

Dalam pada itu, ketika ditanya mengenai perkembangan produk di peringkat antarabangsa, beliau berkata syarikat positif untuk mengintai peluang ke Singapura dan Asia Tenggara.

**KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (BISNES): MUKA SURAT B6
TARIKH: 2 OKTOBER 2013 (RABU)**

FMM cadang wujud insentif bentuk baucer untuk PKS

Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) mencadangkan kerajaan mewujudkan insentif khusus dalam bentuk baucer inovasi untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) masing-masing.

Bermatlamat meningkatkan kualiti perkhidmatan dan produk yang ditawarkan oleh syarikat tempatan, Presiden FMM, Tan Sri Yong Poh Kon, berkata pemberian baucer berkenaan diharapkan dapat membantu syarikat membangunkan R&D khususnya bagi inovasi berskala kecil.

Katanya, FMM sudah mengemukakan cadangan itu kepada kerajaan dan berharap satu insentif khusus atau baucer sekurang-kurangnya RM50,000 diperkenalkan dalam usaha menggalakkan inovasi di kalangan syarikat tempatan diumumkan dalam pembentangan Bajet 2014 tidak lama lagi.

Peruntukan baru

“Kami mengharapkan yang Bajet 2014 ini akan menyediakan lebih banyak peruntukan baru bagi meningkatkan tahap inovasi dan R&D di kalangan syarikat tempatan, selain pengurangan cukai serta mempermudahkan syarat peraturan bagi melaksanakan projek R&D.

“Berdasarkan satu program lawatan ke Jerman bersama Agensi Inovasi Malaysia dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) ke Jerman baru-baru ini mendapat banyak syarikat negara itu yang melaksanakan projek R&D bersaiz kecil dalam usaha meningkatkan pengeluaran mereka.

“Justeru, kami mencadangkan supaya kerajaan mencontohi skim seumpama itu yang mana syarikat boleh mengemukakan permohonan bagi baucer berkenaan, untuk membolehkan mereka memulakan projek R&D pada skala kecil,” katanya ketika ditemui selepas Persidangan Inovasi FMM 2013 di Kuala Lumpur, semalam.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 2 OKTOBER 2013 (RABU)



Dewan Rakyat Lulus Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan

KUALA LUMPUR, 1 Okt (Bernama) -- Persidangan Dewan Rakyat hari ini meluluskan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2013) selepas dibahaskan dalam peringkat jawatankuasa sejak Rabu lepas.

Rang Undang-undang itu memperuntuk wang tambahan sebanyak RM14,125,580,900 kepada beberapa kementerian sebagai perbelanjaan mengurus tambahan pertama.

Kementerian terbabit ialah Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Selain itu, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri.

Terdahulu, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Dr James Dawos Mamit yang mewakili Menteri Pelancongan dan Kebudayaan membentangkan Rang Undang-undang Fi (Jabatan Muzium Malaysia) (Pengesahan) 2013 untuk bacaan kali pertama.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (DEWAN RAKYAT): MUKA SURAT 14
TARIKH: 2 OKTOBER 2013 (RABU)**

Dewan lulus Rang Perbekalan Tambahan 2013

Kuala Lumpur: Persidangan Dewan Rakyat semalam meluluskan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2013) selepas dibahaskan sejak Rabu lalu.

Rang Undang-Undang terbabit mempertukarkan wang tambahan sebanyak RM14,125,580,900 kepada beberapa kementerian sebagai perbelanjaan mengurus tambahan pertama.

Kementerian atau jabatan terbabit ialah Parlimen, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Selain itu, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 2 OKTOBER 2013 (RABU)



Gempa Bumi Kuat Di Rusia

KUALA LUMPUR, 1 Okt (Bernama) -- Gempa bumi kuat berukuran 6.6 pada skala Richter berlaku di Sea of Okhotsk di Rusia pada 11.38 pagi Selasa.

Jabatan Meteorologi Malaysia berkata pusat gempa itu terletak di 388km barat laut Petropavlovsk Kamchatskiy, Russia dan 6,084km di timur laut Kudat, Sabah.

Tiada ancaman tsunami dilaporkan.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (BISNES): MUKA SURAT B3
TARIKH: 2 OKTOBER 2013 (RABU)

TPMC perlu usaha tingkat keuntungan

Teknologi Park Malaysia College Sdn Bhd, (TPMC), syarikat milik penuh **Teknologi Park Malaysia Corporation Sdn Bhd**, perlu terus berusaha untuk meningkatkan keuntungan secara berterusan bagi mengurangkan kerugian terkumpul yang dialami.

Kedudukan Kewangan TPMC adalah memuaskan kerana keuntungan operasi pada tahun kewangan 2009, 2010 dan 2011.

Dalam maklum balas TPMC yang diterima pada 27 Disember 2012, sebab utama penurunan aliran tunai keseluruhan ialah penurunan pendapatan pada 2011 dan pembayaran eluan pelajar bantuan dana pinjaman Kementerian Kewangan yang bermula pada 2011.

Baiki pengurusan

Bagaimanapun, Pengurusan TPMC sentiasa berusaha untuk berhemah dalam perbelanjaan pengurusan serta berusaha untuk memperbaiki pengurusan pungutan hutang semasa dan tertunggak khususnya dengan melantik ejen pemungut hutang bagi tujuan itu, kata Laporan Ketua Audit Negara.

TPMC juga sudah melaksanakan usaha giat untuk menarik pelajar baru mendaftar dalam program yang ditawarkan melalui usaha pemasaran berterusan.

BERNAMA